


LUNAJETS - LUNAGROUP CHARTER MELAPORKAN ANGKA PECAH REKOD UNTUK 2022



**ALAIN LABOURSIER, GROUP MD,
REPORTS RECORD-BREAKING
NUMBERS FOR 2022**

**LUNAJETS
LUNAGROUP CHARTER**

Luna Aviation Group, syarikat carter penerbangan terkemuka Eropah, memberikan kemas kini pasaran berhubung prestasinya untuk 2022 dengan mencerminkan pertumbuhan hebat jenama LunaJet dan [LunaJets](#) [LunaGroup Charter](#) miliknya yang didorong oleh permintaan luar biasa daripada pelanggan sedia ada, pelanggan baharu serta penambahan bilangan pejabat.

Kumpulan ini terus menyaksikan pertumbuhan yang kukuh dalam pelbagai cabang perniagaannya, dengan hasil meningkat sebanyak 45% berbanding tahun 2021. Biarpun pulangan pasaran saham negatif, kenaikan inflasi berterusan dan diburukkan lagi dengan konflik Rusia-Ukraine, Kumpulan ini telah menjana hasil yang memecahkan rekod bagi tahun tersebut.

Pertumbuhan 2022

Selepas mencatat rekod pada 2021, buat kali pertama dalam sejarah, LunaJets, iaitu bahagian carter jet peribadi Luna Aviation Group, telah memperoleh hasil tahunan melebihi \$150 Juta* pada 2022, mewakili peningkatan sebanyak 40% bagi tempoh yang sama berbanding tahun sebelumnya. Jumlah penerbangan yang diaturkan telah menghasilkan lebih 12,000* pergerakan, iaitu mewakili lebih daripada satu pesawat yang berlepas pada setiap jam di seluruh dunia. Syarikat ini telah mengalu-alukan lebih daripada 1,250 pelanggan baharu.

Semasa tahun kedua operasinya, LunaGroup Charter, iaitu bahagian carter komersial Luna Aviation Group, telah mencatatkan hasil tahunan melebihi \$15 Juta* dan peningkatan sebanyak 290% bagi jumlah penerbangan yang diaturkan. "Mengambil kira situasi pasca pandemik, terutamanya ketidakpastian sama ada terdapat pengajuran acara antarabangsa, serta permulaan tahun yang perlahan, kami gembira dengan angka ini dan dengan perluasan bahagian pasaran kami. Aktiviti yang kami adakan di seluruh dunia membolehkan kami mencapai suku keempat yang memecahkan rekod," kata Rémi Aubin, Pengarah Jualan LunaGroup Charter.

Ramalan untuk 2023



Setelah membuka pejabat baharu di London, Paris, Riga dan Monaco sejak 2 tahun lalu, Luna Aviation Group akan terus mengembangkan perniagaannya pada 2023, dengan pembukaan pejabat baharu di Zurich dan Madrid.

Pada awal bulan ini, Kumpulan ini secara rasmi telah membuka pejabat di Dubai, iaitu di tengah-tengah Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC) yang berprestij, sebagai

sebahagian daripada pengembangan yang berterusan di seluruh dunia dan komitmennya di rantau Timur Tengah.

"Saya sangat teruja dengan pembukaan pejabat terbaru kami di Dubai. Kami mencatatkan pertumbuhan yang amat besar pada 2022 dan Dubai adalah pengembangan kami yang pertama di luar Eropah. Usaha ini merangkumi komitmen berterusan kami dalam meletakkan LunaJets sebagai peneraju sebenar pasaran seluruh dunia dan menempatkan kami lebih dekat dengan pelanggan kami yang semakin bertambah di rantau ini. Pasukan ini sedang dilatih di Ibu Pejabat kami di Geneva untuk memberikan perkhidmatan cemerlang yang sama di mana-mana sahaja di dunia," kata Pengarah Urusan Luna Aviation Group, Alain Leboursier.

"Bahagian jet peribadi dan komersial kami sangat terdedah kepada faktor makroekonomi, risiko dan ketidaktentuan politik, tetapi kami yakin dapat mengekalkan kelebihan bersaingan yang cukup teguh dan terus meningkatkan bahagian pasaran kami. Kumpulan ini kini cukup kuat dan handal ini dari segi komersial untuk mengalu-alukan perubahan dan cabaran dalam pasaran," tambah beliau.

*angka belum diaudit

PERIHAL LUNAJETS

LunaJets ialah penyedia penyelesaian carter jet peribadi terkemuka global yang berpangkalan di Geneva, dengan pejabat di London, Paris, Monaco, Riga dan Dubai. Dengan pasukan yang terdiri daripada lebih 70 orang pakar, dan berdasarkan teknologi miliknya sendiri, LunaJet memberikan nasihat bebas bagi penempahan mana-mana jet peribadi ke mana-mana sahaja di seluruh dunia, 24/7. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan yang paling fleksibel dalam pasaran bagi semua jenis penerbangan. Pada 2015, LunaJet menjadi broker carter pertama mendapat pensijilan ARG/US di luar AS. Pensijilan ini kekal sehingga hari ini. Syarikat ini ditubuhkan pada 2007 oleh Eymeric Segard, Ketua Pegawai Eksekutif ketika ini.

PERIHAL LUNAGROUP CHARTER

LunaGroup Charter ialah sebahagian daripada Luna Aviation Group, penyedia penyelesaian carter jet peribadi terkemuka global yang berpangkalan di Geneva, dengan pejabat di London, Paris, Monaco, Riga dan Dubai. Dengan akses kepada beribu-ribu pesawat, Group Charter menawarkan penyelesaian carter jet komersial untuk sebarang rancangan perjalanan di seluruh dunia. Pasukan Group Charter dapat memenuhi keperluan penerbangan anda serta menyatukan pasukan anda. Acara sukan, pameran korporat, pelancaran produk, seminar atau penggilibiran petugas, kami sebagai sebuah kumpulan bebas di peringkat global dapat memenuhi keperluan carter anda dengan kepakaran kami yang luas.